

Mortis

written by Hazrul | 11/05/2023

Malam itu sangat dingin. Sangat dingin sehingga membuatkan semua penduduk Kampung Sungai Kantan tidur dengan nyenyak sekali. Tiada bunyi bising, sekalipun suara sang cengkerik. Suasana sungguh mendamaikan.

Walau bagaimanapun, Saifullah bukanlah antara penduduk yang dapat tidur dengan nyenyak. Dia sering dibangunkan dengan deringan panggilan telefon pada setiap malam-malam buta. Terutamanya pada malam itu. Saifullah menggeliat dan cuba membuka matanya untuk melihat telefon pintar. Terpapar rajah pukul 2:00 pagi di skrin dan notifikasi 10 panggilan tidak dijawab.

“Alamak!”, ujar Saifullah sambil bergegas bangun daripada katil.

Baru sahaja diselesaikan kes pukul 11 malam tadi, sudah ada pula kes yang baharu. Begitulah kehidupan seorang ahli patologi forensik. Sentiasa bersedia pada bila-bila masa. Seusai bangun daripada katil, dia terus menyarung jaketnya tanpa menukar baju. Lagipun, memang itulah baju kemeja yang dipakainya sebelum tidur tadi.

Saifullah mencapai tombol pintu depan rumah lalu membukanya. Kelihatan susuk manusia berjaket seragam polis sedang duduk di dalam sebuah kereta polis hibrid. Saifullah tanpa melengahkan masa masuk ke dalam kereta itu.

“Maaf Inspektor Amirul saya lambat,” kata Saifullah kepada lelaki itu.

“Sudah 10 kali saya menghubungi kamu, masih tidak dijawab. Teruk sangat ke kes semalam?”, tanya Inspektor Amirul.

Saifullah cuba mengimbas kembali kes semalam yang diselesaikannya.

“Kes langgar lari sahaja Inspektor”, jawab Saifullah.

“Ohhh...”, balas Inspektor Amirul. Dia mengeluarkan sepuntung rokok dan menghisap sebentar.

“Kemungkinan tempat kejadian yang kita sedang tuju ini ialah kes langgar lari juga,” ujar Inspektor Amirul.

“Tidak kisahlah kes langgar lari ke, kes langgar pokok ke, saya tetap akan bersedia Inspektor,” balas Saifullah sambil senyum.

Saifullah amat suka dengan kerjayanya. Terutama apabila sepasukan dengan pegawai polis yang berkaliber seperti Inspektor Amirul. Kata orang-orang di balai, Inspektor Amirul sudah menyelesaikan lebih 100 kes sepanjang kariernya. Separuh daripada kesnya berkait dengan pembunuh bersiri. Tetapi, ada juga segelintir penduduk mengatakan dia menahan orang yang tidak bersalah dan menyebabkan mereka meringkuk di dalam penjara selama dua atau tiga tahun. Walaupun menerima kritikan daripada sebilangan orang, Inspektor Amirul tetap melakukan kerjanya dengan konsisten.

“Okey, kita sudah sampai,” kata Inspektor Amirul.

Saifullah keluar daripada kereta dan melihat suasana di sekelilingnya. Dia lihat satu kawasan hutan di tepi jalan kira-kira 50m luas persegi ditutup dengan pita kuning panjang yang bertulis ‘KAWASAN POLIS DILARANG MASUK!’. Dia juga memerhati rakan-rakan sekerjanya yang lain bertungkus lumus mencari bukti jenayah dengan berpakaian sut putih khas, pakaian rasmi ahli forensik di lapangan. Terdapat juga pegawai-pegawai polis yang lain membantu menyiasat dan menenangkan orang awam yang sudah berkerumun di luar kawasan larangan.

“Mereka pasti tertanya-tanya dengan apa yang berlaku sehingga mereka terjaga daripada tidur,” monolog Saifullah.

“Saifullah, sut putih ada di van polis sana. Engkau pergi cari bahan bukti dahulu.

Aku mahu menenangkan orang ramai sebentar,” kata Inspektor Amirul.

Saifullah menganggu faham dan terus berlalu ke van itu untuk menyarung sut putih tersebut. Tugas Saifullah ketika itu hanyalah untuk mencari setiap bukti, tidak kira seberapa kecil pun dan mengambil sampel untuk siasatan selanjutnya. Oleh itu, dia perlu memakai sut putih itu bagi mengelakkan daripada mencemar tempat kejadian.

Setelah menyarung sut yang diperbuat daripada bahan pelindung sintetik pakai- buang itu,

Saifullah masuk ke tempat kejadian. Tiba-tiba, dia disapa oleh seseorang.

"Eh, Saifullah! Engkau kerja lagi? Bukankah kau baru uruskan kes lain pada pukul 10 malam tadi?" sapa lelaki berpakaian sut putih itu.

"Iyya, aku kerja lagi, Arumugam," keluh Saifullah .

Doktor Arumugam. Seorang doktor falsafah dalam bidang patologi forensik. Dia juga terkenal di khalayak polis kerana berperanan dalam banyak kes pembunuhan bersiri. Boleh dikatakan kawan rapat kepada Saifullah kerana menuntut universiti yang sama.

"Jadi, kau sudah tahu siapa mangsa pembunuhan malam ini?" tanya Arumugam.

Saifullah menggeleng.

"Rafiqi!" jawab seseorang dari belakang mereka berdua.

Seseorang itu ialah Umar. Seorang jurugambar siasatan yang juga bekerja bersama dengan mereka berdua. Mereka agak rapat.

"Hah! Rafiqi? Jurugambar yang baru bekerja itu?, tanya Saifullah. Umar mengangguk.

Saifullah rasa tidak percaya. Rafiqi baru sahaja bekerja sebagai jurugambar siasatan baru di tempat kerja mereka. Dia baru sahaja bersama-sama mereka selama sebulan .

"Innalillahhiwainnailaihirajiun", ucap Saifullah dengan perlahan lalu menyambung bertanya lagi.

"Apa kesnya?"

"Tidak dapat kenal pasti lagi. Kemungkinan kes langgar lari. Terdapat kesan lebam di peha dan kesan calar di bahagian kepala mangsa. Selain itu, ada juga lumut dan daun-daun kering pada rambut dan baju mangsa. Kemungkinan si pesalah menyeret mangsa ke dalam hutan untuk menyembunyikannya," jelas Doktor Arumugam .

"Oh, sudah jumpa mayat mangsa itu?" tanya Saifullah.

“Sudah. Ada di penjuru sana,” jawab pula Umar sambil menangkap gambar kejadian.

Mereka bertiga pun berjalan ke lokasi mangsa. Ternyata mangsa itu sudah pun ditutupi oleh beg hitam. Saifullah membuka zip beg hitam itu dan kelihatan kesan calar di kepala seperti yang dinyatakan oleh Dr. Arumugam.

“Siapa yang membuat panggilan kepada polis?”, tanya Saifullah.

“Tidak pasti lagi. Tetapi yang pasti panggilan tersebut daripada telefon pintar ini,” jawab Dr. Arumugam sambil menunjukkan sebuah beg plastik jernih.

Terdapat sebuah telefon berjenama Iphone 11 di dalamnya.

“Jadi, sekarang ini, kita perlu mencari mayat pemilik telefon tersebut?”, tanya Saifullah.

“Tepat sekali,” balas si doktor.

“Sebentar, bagaimana kamu tahu begitu cepat sekali Saifullah?”, tanya Umar. “Pengalaman,” jawab Saifullah dan Dr. Arumugam serentak.

Ketika masing-masing mencari bahan bukti, teriakan “BINGO!” yang lantang dan mengejutkan datang dari seorang pegawai polis di seberang tempat kejadian.

“Semua orang jangan bergerak dan kekal di mana anda berada!”, tegas Inspektor Amirul dengan lebih lantang.

Inspektor Amirul berjalan ke arah Saifullah dan rakan-rakannya. “Saifullah, doktor dan Umar, ikut saya,” arah Inspektor Amirul.

Mereka pun akur dan mengikut Inspektor Amirul ke arah pegawai polis yang menjerit itu. Selepas melalui semak samun, mereka melihat tubuh badan lelaki terkejur di atas tanah. Nampak gaya seperti seorang pengembara. Kali ini tiada kecederaan padanya dan mangsa seperti sudah lama mati di dalam hutan.

“Baiklah, kita luaskan lagi kawasan pencarian kita. Panggil beberapa unit polis untuk mencari bukti di kawasan ini. Awak semua boleh mula melakukan tugas,” arah Inspektor Amirul.

Saifullah pun mencari bahan bukti yang ada dan berjaya mengutip sebuah dompet dan beberapa helai rambut. Selepas satu jam mengutip bahan bukti, Saifullah pun meminta kebenaran Inspektor Amirul untuk melakukan autopsi.

“Kamu uruskan mayat mangsa baru ini. Manakala, Dr. Arumugam menguruskan mayat Rafiqi. Umar, kamu tunggu bersama kami,” kata Inspektor.

Saifullah dan Dr. Arumugam pun pergi ke van polis dan membuang sut putih mereka ke dalam suatu bekas. Mereka lalu meminta dua orang pegawai untuk membawa mereka ke Jabatan Forensik Hospital Kajang. Kedua-dua mayat mangsa pula dibawa segera pergi dengan ambulans ke tempat yang sama. Sesampainya di sana, Arumugam dan Saifullah serta dua pegawai polis itu berjalan ke makmal bedah siasat sambil membawa beg berisi bahan-bahan bukti. Saifullah ditempatkan di Makmal 02 manakala Doktor Arumugam ditempatkan di Makmal 09.

“Baiklah, terima kasih kerana menolong saya. Sekarang, kamu boleh pulang semula ke tempat kejadian,” kata Saifullah kepada salah seorang pegawai polis. Salah seorang lagi sedang menemani Dr. Arumugam.

“Oh, sebelum itu, ini laporan polis,” pegawai polis itu berkata sambil menghulurkan laporan kepada Saifullah.

“Okay, baik. Terima kasih lagi sekali.” Pegawai polis itu berlalu pergi.

Setelah masuk ke dalam makmal bedah siasat, Saifullah melihat mayat mangsa sudah tersedia di atas papan ukuran. Dia pun mengenakan pakaian seorang doktor bedah dan terus mula menjalankan autopsi. Pada mulanya, dia mengukur ketinggian mayat mangsa terlebih dahulu. Selepas itu, dia memeriksa baju mangsa

dan bahan bukti lain pada mangsa seperti jam tangan dan rantai salib. Dia mencari lagi petunjuk penting yang lain seperti helaian rambut mangsa, bahagian baju yang terkoyak dan lain-lain supaya dapat memberi idea jelas tentang bagaimana orang tersebut mati. Walau bagaimanapun, tiada kecederaan atau bukti yang dijumpai untuk menyelesaikan kes ini.

Setelah melakukan pemeriksaan luar, Saifullah terus melucutkan pakaian mangsa. Bagi menganggar waktu kematian mangsa, memeriksa suhu badan mangsa atau dalam bahasa Latin

khasnya iaitu algor mortis. Kebiasaannya, suhu badan seorang manusia yang masih hidup ialah 37 darjah Celcius. Apabila seseorang mati, suhu badannya berkurang dengan perlahan-lahan mengikut suhu luar persekitarannya pada kadar yang tetap. Oleh itu, makin lama dibiarkan sesuatu mayat, makin sejuklah mayat tersebut. Disebabkan itulah ia dinamakan algor mortis yang bermaksud mati kesejukan.

Walaupun bagaimanapun, suhu badan mayat mangsa yang dikendalikan oleh Saifullah kali ini tidak berubah. Suhunya tetap 37 darjah Celcius seperti seorang manusia yang hidup! Saifullah terkejut dan berundur daripada papan ukuran.

“Apakah ini? Bagaimana suhunya tidak berubah tetapi keadaan mayatnya seperti sudah kesejukan?” bisik Saifullah.

Saifullah mendekati mayat itu kembali dan memeriksa degupan jantungnya. Tiada degupan. Dia periksa pula pergerakan nadi tangan mangsa. Masih tiada pergerakan. Hal yang sama berlaku dengan pernafasan mangsa. Saifullah mencatat perkara baru itu pada laporan polis yang disediakan.

Saifullah mula berasa tidak sedap hati tetapi dia tetap mahu menghabiskan kerjanya pada malam itu. Seorang pakar forensik seharusnya tidak gentar dengan

apa-apa situasi sekalipun. Walaupun Saifullah tidak dapat mengenal pasti lagi waktu kematian mangsa, masih terdapat satu cara lagi iaitu dengan memeriksa rigor mortis, bahagian tubuh badan yang telah menjadi keras. Rigor mortis, atau dalam Bahasa Melayunya, mati ketegangan. Keadaan ini berkait rapat dengan enzim di dalam tubuh kita. Secara saintifik, enzim di dalam badan kita memisahkan protein-protein otot supaya mengendur. Apabila seseorang mati, enzim ini menjadi tidak berfungsi lalu protein-protein otot akan berkumpul bersama menyebabkan otot-otot menjadi kaku. Kesan rigor mortis biasanya bermula selepas dua jam kematian dan berakhir selepas 36 jam kematian, apabila seluruh tubuh badan mayat menjadi kaku.

Walaupun begitu, kes Saifullah kali ini tetap sama seperti kejadian algor mortis tadi. Otot mangsa tidak kejang atau kaku dan berada di dalam kondisi seperti manusia biasa. Seolah-olah mayat tersebut mati dan hidup pada masa yang sama!

Saifullah cuba menelefon Dr. Arumugam untuk bertanya tentang perkara ini tetapi malangnya tidak dijawab. Saifullah tidak membuang masa mengemas bilik bedah siasat itu, membuang sut putih pakai buangnya, menyusun bahan-bahan bukti semula ke dalam beg plastik dan menyelimutkan mangsa. Dia tidak boleh sewenang-wenangnya menyiasat mayat aneh ini

sendirian. Dia harus memberitahu rakan sejawat.

Semasa mencari kawan rapatnya, Saifullah terserempak dengan Inspektor Amirul. Dia temani oleh beberapa pegawai polis yang lain.

“Inspektor? Inspektor buat apa di sini?”, tanya Saifullah “Kes sudah selesai,” ujar Inspektor Amirul.

Saifullah terlopong mendengar jawapan inspektor polis itu. Dia tidak sangka kes akan selesai begitu cepat sekali.

“Ya, saya tahu. Inilah kes yang paling cepat kita pernah selesaikan. Untuk pengetahuan kamu, ini adalah kes langgar lari. Mujur ada kamera pengawasan di sebuah kedai berdekatan. Dalam rakaman tersebut, kami dapat kenal pasti sebuah kereta MYVI kuning bernombor BYZ 4060 melanggar seseorang, dipercayai Rafiqi,” terang Inspektor Amirul.

“Bukankah itu kereta doktor yang bekerja di Klinik Alam Medic itu. Apa nama dia? Khai...Khai...Doktor Khairil bukan?”, tanya Saifullah.

“Tepat sekali. Dia sudah pun ditahan dan sedang disoal siat di balai polis Kajang kerana didapati bersalah atas kesalahan membunuh tanpa niat,” jelas Inspektor Amirul.

Saifullah tidak menyangka pesalahnya ialah Dr. Khairil. Dia merupakan seorang doktor yang sangat dikenali oleh penduduk di sini dengan sikap ramahnya. Walau bagaimanapun, mindanya masih berserabut memikirkan mayat aneh tadi.

“Kamu sudah siapkah melakukan autopsi, Saifullah?”, tanya lagi Inspektor Amirul.

“Belum, Inspektor. Tapi,” Saifullah menelan air liur seketika. “Perlukah aku menerangkan segala- segalanya kepada Inspektor? Pasti dia tidak percaya,” bisiknya dalam hati. Dia tiada pilihan lain. Saifullah menerangkan perkara yang berlaku dengan mayat aneh tadi. Dia menjelaskan dengan terperinci termasuklah tentang rigor mortis dan algor mortis. Inspektor Amirul dan pegawai-pegawai bersebelahannya mahu sahaja ketawa tetapi mereka cuba menahan. Saifullah dapat meneka reaksi wajah mereka.

“Inspektor, saya tahu ini kedengaran janggal. Tapi saya boleh bawa Inspektor pergi ke mayat

tersebut,” ujar Saifullah.

“Saya rasa kamu kepenatan, Saifullah. Hampir 24 jam kamu asyik bekerja. Apa kata kamu ambil cuti seketika, dapatkan tidur yang cukup. Barulah mata kamu itu dapat rehat,” cadang inspektor.

Saifullah hanya mampu mengangguk sahaja. Betul juga apa yang dikatakan oleh Inspektor. Kemungkinan itu khayalannya sahaja.

“Baiklah, Inspektor. Saya mahu pergi sambung lakukan autopsi.”

“Eh, tidak perlu, Saifullah. Nanti saya akan suruh Dr. Arumugam meneruskan kerja kamu. Kamu pulang ke rumah dan berehat. Umar ada kalau kamu mahu tumpang ke rumah. Jangan lupa solat dulu sebelum tidur sebab sudah masuk waktu Subuh.”

“Baiklah, Inspektor. Terima kasih banyak-banyak. Saya pulang ke rumah dulu.”

Saifullah pun pulang ke rumah sambil menaiki kereta Honda milik Umar. Sampai di rumah, dia terus mengambil wuduk, melaksanakan ibadah solat, lalu terus berbaring di atas sejadah. Akhirnya, dia dapat tidur dengan nyenyak dan aman.

Sementara Saifullah dibuai mimpi yang lena, situasi di Balai Polis Kajang menjadi haru-biru. Bilik soal siasat dipenuhi dengan lantangan suara dan maki-hamun. Dr. Khairil rimas dengan dua pegawai polis yang sedang menyوالnya.

“Boleh saya tahu apa jadi pada mayat yang saya langgar tadi?”, tanya Dr. Khairil dengan marah.

“Sudah berulang kali aku cakap. M-A-T-I, mati! “, marah salah seorang pegawai polis itu.

“Baiklah, kamu semua tidak faham. Saya mahu bertanya, siapa pakar forensik yang mengendalikan mayat pengembara itu?”, tanya lagi Dr. Khairil.

“Maklumat sulit. Tidak boleh diberitahu”, jawab pegawai polis. “Kamu semua memang dasar

cela..”

Belum sempat dia memaki, Inspektor Amirul masuk secara tiba-tiba ke dalam bilik siasatan.

“Mengapa bising sangat kamu bertiga ini? Sampai saya dapat dengar suara dari luar!”, bentak Inspektor Amirul dengan marah.

“Hah, Inspektor, siapa mengendalikan autopsi kedua-dua mayat?”, tanya Dr. Khairil dengan selamba. Maklumlah Inspektor Amirul juga pernah dirawat oleh Dr. Khairil ketika dia menghadapi kencing manis.

“Arumugam dan Saifullah,” jawab Inspektor Amirul. “Apa yang dikatakan oleh mereka?”

“Laporan daripada Arumugam saya tidak tahu lagi. Tetapi, laporan Saifullah agak..”

“Pelik seperti mayat mangsa tidak berubah suhu dan tidak berada dalam keadaan kaku?”

Amirul tergamam. Diikuti juga dengan dua pegawai polis. “Bagaimana kamu tahu?”, tanya Amirul.

“Jadi ia berhasil,” ujar Doktor Khairil pada diri sendiri. “Apa yang berhasil?”

Dr. Khairil tersenyum. Mereka tidak tahu dengan agenda nya. Mereka tidak tahu dia telah bekerjasama dengan pihak saintis secara rahsia bagi menghasilkan sejenis pil yang menghilangkan kesan algor motis dan rigor mortis. Ini merupakan satu langkah besar dalam bidang forensik dan satu kelebihan kepada kejahatan di dunia. Memang tidak kedengaran logik, tetapi begitulah apa yang terjadi pada mangsa tadi. Eksperimen mereka telah berjaya! Dan kejadian langgar lari itu hanyalah sebahagiannya.

“Lebih baik kamu beritahu saya sekarang. Apa sebenarnya yang berlaku?”, tanya Inspektor Amirul. Kali ini dengan nada yang lebih kuat.

“Misi tercapai, Inspektor.”

Inspektor Amirul terpinga-pinga. Dr. Khairil dalam diam berbangga. Namun dia tidak tahu bahawa saat Saifullah bangun dari tidur esok harinya, ahli patologi forensik itu sudah mempunyai idea untuk merungkai misteri sains ini.

Nota: Penulis ialah pemenang Tempat Kedua (Kategori 1) Pertandingan Cerpen Sains Forensik 2021